

INDEKS HARGA SEUNIT KELULI SUSUT DALAM JUN 2025 -- DOSM

BERNAMA News | Berita Ekonomi | 10/07/2025 | Author: AHMAD IDZWAN BIN ARZMI | Others

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Indeks harga seunit keluli mencatatkan penyusutan antara 1.0 peratus hingga 3.1 peratus pada Jun 2025 berbanding bulan sebelumnya, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin berkata penurunan tertinggi dicatatkan di Pahang (-3.1 peratus), diikuti oleh Sibu (-2.5 peratus), Pulau Pinang, Kedah dan Perlis (-2.1 peratus).

"Indeks harga seunit bahagian keluli dan logam menunjukkan kejatuhan pada Jun 2025, dengan perubahan bulan ke bulan antara - 0.2 peratus hingga - 0.7 peratus.

Pengurangan ini mencerminkan kelembapan sederhana dalam harga bahan logam dan keluli di pasaran," katanya melalui satu kenyataan hari ini.

Bagaimanapun, peningkatan kecil telah direkodkan di beberapa kawasan seperti Selangor, Kuala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan (0.4 peratus), manakala Miri mencatatkan kenaikan 0.3 peratus.

Sementara itu, dilaporkan bahawa indeks harga simen mencatatkan pertambahan marginal antara 0.1 peratus hingga 0.2 peratus pada Jun 2025 berbanding bulan sebelumnya.

Perbandingan tahunan bagi Jun 2024 serta Jun 2025 menunjukkan bahawa indeks harga seunit simen meningkat antara 0.3 peratus hingga 3.7 peratus di kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

"Kenaikan tertinggi dicatatkan di Johor (3.7 peratus), diikuti oleh Tawau (3.6 peratus) dan Pulau Pinang, Kedah dan Perlis (2.5 peratus)," katanya.

Perbandingan dari tahun ke tahun indeks harga seunit untuk keluli menyaksikan penyusutan dari 5.1 peratus hingga 15.5 peratus pada Jun 2025 daripada bulan yang sama tahun sebelum ini, yang melibatkan kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Mohd Uzir ketika mengulas mengenai purata harga seunit keluli, termasuk bar bulat keluli ringan dan bar berbunga ketegangan tinggi Mycom 60 berkata ia mencatatkan peningkatan sebanyak 0.1 peratus, dengan harga purata RM3,480.10 setiap metrik pada Jun 2025, berbanding dengan

RM3,476.75 pada bulan sebelumnya.

Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) termasuk bar keluli mengikut kategori bangunan dan kawasan di Semenanjung Malaysia menyaksikan penurunan antara - 0.1 peratus hingga - 1.0 peratus pada Jun 2025 berbanding bulan sebelumnya. Kejatuhan ini dicatatkan bagi semua kategori bangunan di kawasan Pulau Pinang, Kedah serta Perlis, Pahang dan Terengganu serta Kelantan

-- BERNAMA

TAG: DOSM, Keluli

IDZ AAH HKY SLR

UNIT PRICE INDEX OF STEEL DOWN IN JUNE 2025 -- DOSM

BERNAMA News | Economic News | 10/07/2025 | Author: AHMAD IDZWAN BIN ARZMI | Others

KUALA LUMPUR, July 10 (Bernama) -- The unit price index of steel recorded a decrease of between 1.0 per cent and 3.1 per cent in June 2025 compared to the previous month, according to the Department of Statistics Malaysia (DOSM).

Chief statistician Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin said the highest decrease was recorded in Pahang (-3.1 per cent), followed by Sibu (-2.5 per cent), Pulau Pinang, Kedah and Perlis (-2.1 per cent).

"The unit price index of steel and metal sections showed a decline in June 2025, with month-on-month change ranging from a decrease of 0.2 per cent to 0.7 per cent.

"This decrease reflects a moderate softening in the prices of metal and steel materials in the market," he said in a statement today.

However, DOSM reported that a slight increase was recorded in several areas, including Selangor, Kuala Lumpur, Melaka and Negeri Sembilan (0.4 per cent), while Miri (0.3 per cent).

Meanwhile, it reported that the price index of cement recorded a marginal increase between 0.1 per cent and 0.2 per cent in June 2025, compared to the previous month.

An annual comparison for June 2024 and June 2025 indicated that the unit price index of cement increased between 0.3 per cent and 3.7 per cent across most areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

"The highest increase was observed in Johor (3.7 per cent), followed by Tawau (3.6 per cent) and Pulau Pinang, Kedah and Perlis (2.5 per cent)," it said.

The year-on-year comparison of the unit price index for steel recorded a decline ranging from 5.1 per cent to 15.5 per cent in June 2025 as compared to the same month last year, involving most areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

Commenting on the average price per unit of steel, which includes mild steel round bars and Mycon 60 high-tensile deformed bars, Mohd Uzir said it recorded a slight increase of 0.1 per cent, with an average price of RM3,480.19 per metric tonne on June 2025, compared to RM3,476.75 19 per metric tonne on a previous month.

DOSM also reported that the Building Material Cost Index (BCI) with steel bars for all building

categories in Peninsular Malaysia recorded a decline of between 0.1 per cent and 1.0 per cent in June 2025 compared to the previous month, covering Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Pahang, Terengganu, and Kelantan.

--BERNAMA

TAGS: DOSM, steel, cement, BCI, Mohd Uzir Mahidin, Economy

IDZ AAH HKY